

Baca petikan di bawah. Pilih penggunaan kata adjektif yang betul.

Humaira dan keluarganya pergi ke pasar tani, Mereka ingin membeli buah-buahan dan sayuran-sayuran. Puan Qasdina teringin makan buah tembikai. Puan Qasdina berjalan (deras, laju) menuju ke gerai buah-buahan, Dia amat (lemah, mahir) akan selok-belok tempat itu kerana (selalu, cepat) datang ke situ.

Mereka sangat (seronok, risau) apabila melihat banyak tembikai dijual di gerai itu Puan Qasdina melihat kulit buah tembikai itu. Dia berasa (ragu, malu). Dia meletakkan semula buah itu.

Tembikai yang puan pegang tadi manis rasanya. Lihat garisan di atas kulit itu. Lurus dan cantik susunannya," jelas penjual itu dengan (yakin, cemas).

Ayah Humaira mengangguk tanda setuju untuk memilih dan membeli tembikai itu. Mereka (sedih, puas) hati melihat tembikai itu. Mereka sekeluarga amat (muram, gembira) kerana semua barang gang hendak dibeli ada di pasar tani itu.